

Pengajian Bahasa Melayu Pada Abad Ke-21¹

Choy-Kim CHUAH
Unit Terjemahan Melalui Komputer
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang, MALAYSIA
e-mail : kimc@cs.usm.my; fax: 04-656 3244

Abstrak

Pengajian bahasa Melayu sama ada di China, di Malaysia, ataupun di Indonesia, sepatutnya tidak ada sebarang perbezaan. Walau bagaimanapun, hakikat bahawa ia bukan bahasa kebangsaan ataupun bahasa rasmi di negara China, sudah tentu ia akan menghadapi beberapa kekangan atas pengajiannya di sana. Wujudkah suatu pusat pengajian bahasa Eskimo, mahupun bahasa Rusia, kalau ia ditubuhkan di Malaysia? Sia-sia sahaja usaha menubuhkan sebuah pusat pengajian bahasa seperti ini, kalau penawaran kursus tidak dapat dijamin pada tahun-tahun berikutnya akibat kekurangan pelajar yang berminat. Supaya pelajar asing terus berminat dan senantiasa digalakkan mempelajari bahasa Melayu, bahan teks yang ditulis khas untuk mereka seharusnya lebih daripada mencukupi. Tanpa kamus yang bermutu yang disediakan khas untuk pelajar asing, susah bagi para pelajar untuk mempelajarinya. Tambahan pula, pelbagai buku bacaan pada semua peringkat (asas dan lanjutan) haruslah senang diperoleh oleh pelajar, untuk mengukuhkan pembelajaran bahasa. Wujudnya sebuah pusat pengajian bahasa, tidak semestinya bermaksud pengajian bahasa giat dijalankan. Penggunaan bahasa (membaca, bertutur dan menulis) ialah satu-satunya cara memperkukuhkan pembelajaran bahasa.

Pendahuluan

Pengajian bahasa Melayu sama ada di China, di Malaysia, ataupun di Indonesia, sepatutnya tidak ada sebarang perbezaan. Walau bagaimanapun, hakikat bahawa ia bukan bahasa kebangsaan ataupun bahasa rasmi di negara China, sudah tentu ia akan menghadapi beberapa kekangan atas pengajiannya di sana. Wujudkah suatu pusat pengajian bahasa Eskimo, mahupun bahasa Rusia, kalau ia ditubuhkan di Malaysia? Sia-sia sahaja usaha menubuhkan sebuah pusat pengajian bahasa seperti ini, kalau penawaran kursus tidak dapat dijamin pada tahun-tahun berikutnya akibat kekurangan pelajar yang berminat.

Di Universiti Sains Malaysia, bahasa Jepun merupakan bahasa asing yang paling popular di kalangan pelajarannya. Pada permulaan setiap tahun akademik, pelajar membarisi koridor untuk memastikan bahawa mereka dapat mendaftar untuk kursus pilihan ini². Walau bagaimanapun, masih tiada pusat pengajian bahasa Jepun sehingga sekarang. Hal ini

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Bahasa Melayu Beijing yang diadakan pada 20-24 Mei 1996 di BFSU, Beijing anjuran Beijing Foreign Studies University (BFSU) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC), Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan China.

² Pada tahun 70-an, *Dasar Pandang Ke Timur* Malaysia mengutamakan negara-negara di Asia sebagai rakan dagang bersama, terutamanya negara Jepun. Dasar ini menyebabkan pelajar berebut-rebutan untuk mempelajari bahasa asing ini. Sudah tentu menjadi satu kelebihan, kalau mereka dapat berbahasa Jepun. Walaupun Malaysia tidak lagi pandang ke Timur, kedudukan bahasa Jepun tetap kukuh sebagai bahasa asing.

demikian, kemungkinan besar penawaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing pada peringkat kemahiran, mungkin sudah cukup untuk memenuhi matlamat Universiti Sains Malaysia dan negara. Pada masa ini, agak jelas bahawa keinginan berbahasa asing dan bilangan pelajar³ yang mengikutinya sahaja tidak cukup sebagai alasan untuk menubuhkan sebuah pusat pengajian bahasa, lebih-lebih lagi di negara bahasa tersebut bukan bahasa kebangsaan ataupun bahasa rasmi.

Supaya pelajar asing terus berminat dan senantiasa digalakkan mempelajari bahasa Melayu, bahan teks yang ditulis khas untuk mereka seharusnya lebih daripada mencukupi. Pada masa ini, buku-buku ini amat berkurangan, dan sukar didapati di kedai buku tempatan. Di negara yang tidak berbahasa Melayu, buku-buku ini (apa jenis pun) jarang dijumpai. Kalau keadaan ini dibenarkan berterusan, sudah pasti kita tidak dapat mengharap bahasa ini menjadi lebih *popular* dari segi pembelajarannya sebagai bahasa asing, apatah lagi pengajiannya. Kamus dwibahasa yang bermutu adalah wajib dalam pembelajaran sebarang bahasa sebagai bahasa asing. Tanpa kamus yang bermutu yang disediakan khas untuk pelajar asing, susah bagi para pelajar untuk mempelajarinya.

Tambahan pula, pelbagai buku bacaan pada semua peringkat (asas dan lanjutan) haruslah senang diperoleh oleh pelajar, untuk mengukuhkan pembelajaran bahasa. Tidak dapat dinafikan bahawa bahan-bahan bercetak untuk bahasa Melayu agak berkurangan apabila dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan bahasa Perancis yang mempunyai sejarah yang lama. Kekurangan ini bukan sahaja dalam jumlah buku, malahan juga dari segi kepelbagaian dan jenis buku bacaan (karya atau sastera). Bagaimanakah keadaan ini di negara China? Adakah buku-buku bahasa Melayu senang diperoleh pelajar? Nik Safiah dalam kertas kerjanya (1995; ms4) mengenai pengantarabangsaan bahasa Melayu di bidang pengajian tinggi di luar negara, berpendapat bahawa "Salah satu kelemahan pusat-pusat bahasa dan pengajian Melayu kini ialah kekurangan bahan, yang tidak menggalakkan penawaran kursus." Koleksi buku Melayu di pusat-pusat pengajian yang menawarkan bahasa ini mestilah serba lengkap dan serba aneka. Tanpa buku bacaan yang boleh diperolehi dengan senang, para pelajar, sungguhpun berminat, akan dihindar dari mempelajarinya dengan berkesan.

Wujudnya sebuah pusat pengajian bahasa, tidak semestinya bermaksud pengajian bahasa giat dijalankan. Bagi yang sudah dapat berbahasa Melayu, peluang mempraktikkan aspek pertuturan bahasa ini amat penting. Di luar negara, pelajar bahasa Melayu tidak banyak berpeluang menggunakannya sebaik sahaja keluar dari bilik kelas. Mereka juga tidak banyak berpeluang melibatkan diri dalam perbincangan intelektual mahupun kegiatan kebudayaan

³ Walaupun mereka fasih.

Melayu ataupun dengan peminat bahasa Melayu lain (khususnya penutur asli) seperti di persidangan ini, di luar pusat pengajian mereka. Penggunaan bahasa (membaca, bertutur dan menulis) ialah satu-satunya cara memperkukuhkan pembelajaran bahasa. Di perjumpaan kebahasaan seperti ini, peminat bahasa Melayu bukan sahaja dapat mempraktikkan bahasa pertuturannya, malahan dapat menukar fikiran dan pengalaman. Mereka juga berpeluang bermuafakat untuk berganding bahu dalam rancangan bersama demi pengajian bahasa ini. Bagai dadah kepada penagih, peluang seperti ini merupakan rangsangan bagi semangat yang sedia ada, dan pasti akan membawa wawasan baru kepada peminat dan pusat pengajian, serta mengekalkan minat belajar dan mengkaji bahasa Melayu.

Di luar negara, peluang berbahasa Melayu di suasana yang sesuai dan yang mendorong (*conducive and inducive*) agak terhad. Walau bagaimanapun, peluang ini penting untuk sama ada mengekalkan, mahupun memulihkan minat mengkaji bahasa, dan mengemaskinikan pengetahuan tentang bahasa ini. Kalau boleh, mereka harus diberikan peluang melibatkan diri dalam pengajian bersama penyelidik dari pusat lain terutamanya yang berada di negara yang berbahasa Melayu.

Kegiatan menghayati penggunaan bahasa dan pengajiannya bukan sahaja harus dijalankan, malahan perlu diadakan secara terancang. Tanpa usaha-usaha yang bersepadu, dapatkah pusat-pusat pengajian ini terus wujud? Dapatkah kegiatannya dikenali pusat lain kalau tidak dihebah luas? Perkara ini bukan sahaja benar untuk negara yang tidak berbahasa Melayu, malahan benar juga untuk negara yang bahasa ini berstatus bahasa kebangsaan ataupun bahasa rasmi negara.

Si penulis ingin mengusulkan beberapa butiran yang dianggap penting dalam pengajian bahasa Melayu secara terancang, yang diharapkan akan membawa manfaat kepada pengajian bahasa Melayu di negara yang berbahasa Melayu dan juga kepada mereka yang berminat berbahasa Melayu.

Bahan Bacaan dan Rujukan

"Untuk memperkuatkan lagi kemahiran berbahasa Melayu ... mesti memastikan bahawa bahan bacaan ... yang bermutu senang diperolehi. Mesti adanya pelbagai buku untuk semua tahap pembaca." (Chuah, 1995; ms7). Oleh kerana bahasa Melayu tidak mempunyai sejarah yang lama seperti bahasa Inggeris, buku-buku tentang bahasa, nahu, pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, penggunaan, kesilapan umum, dsb. dan juga tesaurus dan kamus (ekabahasa dan dwibahasa) amat kekurangan. Di kedai, buku-buku bahasa Inggeris didapati berlonggok-longgok, sedangkan buku untuk bahasa Melayu tidak banyak bilangannya. Sungguhpun demikian, kekurangan buku-buku bahasa Melayu tidak seharusnya

menjadi halangan kepada pembelajaran dan pengajiannya di seberang laut. Usaha harus diambil untuk melengkapkan koleksi yang sedia ada di pusat pengajiannya melalui bantuan dari negara yang berbahasa Melayu.

Dalam program pengantarabangsaan bahasa Melayu menjelang abad yang akan datang, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telahpun merancang untuk memasarkan dan menyebarkan "maklumat bahasa dan persuratan Melayu ... pada dua peringkat, iaitu peringkat Institusi Pengajian ASEAN dan peringkat Pusat Pengajian Bahasa dan Persuratan Melayu antarabangsa yang lain." (A. Aziz, 1995; ms14). Dalam hal ini, Malaysia boleh menghadiahkan buku-buku penulis tempatan kepada pusat pengajian bahasa Melayu di China, dan menyumbang kepada koleksinya. Sementara itu, pengajar-pengajar bahasa Melayu harus digalakkan menghasilkan buku-buku yang ditujukan khas kepada pelajar asing. Tanpa buku-buku ini, sudah pasti kita tidak dapat mempopularkan pembelajaran bahasa Melayu di tanah seberang.

Kamus Dwibahasa - Bahasa Cina-Bahasa Melayu - Yang Bermutu

Dalam pembelajaran sebarang bahasa asing, kamus dwibahasa adalah wajib. Kamus-kamus yang didapati di pasaran untuk pelajar sekolah di Malaysia kurang bermutu (Chuah, 1994; ms1). Kebanyakannya tidak mempunyai kategori. Dalam tinjauan kamus yang dikendalikannya, Yang (1994; ms1) berkata "... huraian yang dibuat itu hanya dipaparkan dengan beberapa ayat atau perkataan yang amat singkat, lalu tidak ada cerita lebih lanjut." Tambah Yang (1994; ms12), "... tinggi atau rendah mutu sesebuah kamus akan membawa pengaruh langsung kepada mereka ... yang tidak berupaya membezakan baik buruk sesuatu ..." Tambahan pula, "...sebahagian besar daripada usaha menghasilkan kamus ... dilakukan oleh penyusun-penyusun yang bertaraf amatir ..." (Nik Safiah, 1995; ms2). Ada yang "... bukan disusun atas dasar pendidikan, melainkan terlalu diambil berat pada spekulasi komersial!" (Yang, 1994; ms12). Kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kamus ini amat nyata. Kamus-kamus ini tidak sesuai digunakan oleh pelajar asing yang tidak dapat berbahasa Melayu. Untuk kamus yang lebih bermutu, disyorkan kaedah penyusunan yang lebih canggih digunakan (Lihat Chuah, 1994.).

Setahu si penulis, tidak adanya kamus bahasa Tionghua-Melayu yang terkini selain daripada *Kamus Umum Bahasa Tionghua-Melayu* sejak tahun 1979⁴. Sememangnya, kamus yang bermutu mengambil masa yang lama untuk diterbitkan (Chuah, 1994; ms1). DBP sedar akan pentingnya peranan kamus dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu, dan telahpun menganjurkan Seminar Perkamusan Melayu⁵ dua tahun yang lalu. Di seminar ini, banyak

⁴ Pernyataan ini dibuat berdasarkan maklumat yang didapati dalam kertas kerja Yang (Ogos 1994).

⁵ Yang diadakan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia pada 20-21 Disember, 1994. Seminar tersebut anjuran bersama DBP dan Persatuan Linguistik Malaysia.

telahpun dibincang. Antara perkara yang dibangkitkan ialah penyusunan kamus yang menggunakan teknologi semasa. Dalam kertas kerjanya Zaharin (1994) telah berbincang tentang struktur kemasukan kamus dan penggunaannya. Chuah *et al* (1994) berbincang tentang penggunaan pangkalan data leksikon dalam penyusunan kamus. Dalam hal ini, si penulis ingin mencadangkan projek kamus dwibahasa *Bahasa Cina-Bahasa Melayu*⁶ dikendalikan secara bersama oleh negara China dan Malaysia. Kamus ini, apabila siap disediakan nanti sudah pasti akan menggalakkan lebih ramai pelajar asing yang berbahasa China mempelajari bahasa Melayu.

Pengajaran dan Pembelajaran Berbantu Komputer

Bidang pengajaran dan pembelajaran juga bermanfaat daripada kemajuan dalam bidang komputer. Istilah-istilah seperti 'pembelajaran berbantu komputer' (= *computer-aided learning*, CAL) dan 'pengajaran berbantu komputer' (= *computer-aided instruction*, CAI) tidak lagi asing kepada pengajar bahasa. Komputer semakin digunakan dalam pengajaran. Perisian yang disediakan dengan teliti dan penuh perancangan boleh memberi statistik mengenai jawapan-jawapan yang diberi, kesilapan, masa yang digunakan untuk setiap soalan, kepada pengajar (Ahmad *et al*, 1985; ms5). Maklumat ini dapat menolong pengajar dalam penyusunan semula teks pengajarannya pada sebarang masa. Bagi pelajar yang lemah dalam aspek tertentu bahasa, mereka boleh menggunakan modul-modul bahasa yang tertentu untuk mengatasi kelemahan yang berkenaan. Sememangnya, komputer dalam pengajaran atau pembelajaran mempunyai kelemahan-kelemahannya. Akan tetapi, yang harus kita pentingkan ialah bagaimana kita dapat mengeksploitasikan keupayaannya dalam pengajaran bahasa.

Penyelidikan Bahasa Melayu : Pangkalan Data Leksikon dan Korpus

"Walaupun kemantapan bahasa terpulung kepada faktor-faktor seperti masa dan kajian intensif, kita pasti dapat mempercepat pencapaian kemantapan ini dengan menggunakan teknologi dan pendekatan kajian bahasa yang baru seperti komputer dan idea pangkalan data." (Chuah, 1995; ms6). Dengan menggunakan teknologi komputeran yang baru, kita bukan sahaja memperhebat dan mempercepat kajian bahasa, malahan menyepadukan usaha menjalankan kajian bahasa secara bersama dalam talian. Melalui cara ini, perkembangan-perkembangan penyelidikan dapat juga disebarluaskan dengan serta-merta. Dengan menggunakan kemudahan pangkalan data leksikon dan korpus, pengajian bahasa sudah pasti serba lengkap.

⁶ Untuk makluman: Sebuah kamus *Kamus Bahasa Perancis-Bahasa Melayu* usaha bersama DBP, Group d'Etudes pour la Traduction Automatique (GETA, di Grenoble, Perancis), Kedutaan Perancis (di Kuala Lumpur) dan Unit Terjemahan Melalui Komputer (di Universiti Sains Malaysia) dijangka diterbitkan pada bulan Julai, 1996).

Bagi negara yang tidak mempunyai kemudahan rangkaian komputer ataupun kepakaran dalam pengajian bahasa, kita boleh juga mengongsi pengetahuan melalui penerbitan bercetak ataupun persidangan dan bengkel bahasa. Tanpa usaha untuk mengadakan kegiatan-kegiatan kebahasaan ini, sudah pasti kita tidak akan dapat mencapai kemajuan yang besar dalam pengajian bahasa. Kalau peminat asing bahasa Melayu tidak dapat mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ini, sama ada sebagai pembentang kertas kerja ataupun peserta sahaja, untuk mengemaskinkan pengetahuan mereka, pusat pengajian tetap wujud sebagai pusat pengajian semata-mata.

Penerbitan Berbantu Komputer

Di pasaran hari ini, didapati berjenis-jenis perisian komputer yang pasti meringankan tugas penerbitan buku dan kamus. Pemproses kata (= *word processor*) seperti *Microsoft Word*, yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti penyemak ejaan (= *spelling checker*), penyemak nahu (= *grammar checker*), dan carian kamus (= *dictionary lookup*) dapat menolong pengarang dalam penulisan manuskrip. Kerja pengumpulan data (secara terus dari pangkalan data korpus dalam talian) sehingga penyuntingan (yang dihantar kepada penyunting melalui mel elektronik) dapat dikendalikan tanpa menganjak dari komputer. Tambahan pula, dengan menggunakan sistem penerbitan meja (sistem DTP) (= *desktop publishing system*) seperti *PageMaker* yang dilengkapi pelbagai kemudahan seperti tajuk gulungan (= *running head*), tugas taipset oleh manusia tidak lagi diperlukan. Manuskrip juga dapat dikeluarkan dalam masa yang lebih singkat dan dalam keadaan yang lebih kemas.

Penutup

Sudah tentunya kita tidak boleh menukar sejarah bahasa kita. Sungguhpun, kekurangan buku bacaan dan rujukan sememangnya satu kenyataan, ia tidak seharusnya menjadi halangan kepada pembelajaran dan pengajiannya di seberang laut. Kita boleh membantu melengkapkan koleksi buku pusat-pusat bahasa Melayu di luar negara dan menghantar pengajar yang berpengalaman ke sana. Jemputan ke persidangan dan penyertaan dalam usaha sama bahasa (seperti projek kamus bahasa China-bahasa Melayu) sudah pasti akan menghayati pusat pengajian bahasa di China. Sementara itu, kita boleh meningkatkan lagi kegiatan penyelidikan bahasa secara bersama (dan dalam talian), dan juga penghasilan dan penerbitan buku dengan bantuan komputer. Penyelidikan yang dijalankan dan dalam talian secara bersama dengan menggunakan pangkalan data leksikon dan korpus pastinya akan menjadi serba lengkap.

Kaedah berkomputer ini harus kita gunakan kalau kita berkeinginan pengajian bahasa Melayu diteruskan dengan giatnya dan bukannya dalam keadaan wujud sahaja.

Penghargaan

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Low Bee Eng (bekas pensyarah Pusat Bahasa dan Terjemahan) dan Sodhy Gian Chand (dari UTMK) atas kesudian mereka untuk membetulkan kesilapan-kesilapan bahasa saya. Sememangnya, saya sahaja yang bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan dalam kertas kerja ini.

Bahan Rujukan

- A. Aziz Deraman (1995) *Pembinaan dan dan Pengembangan Bahasa Melayu: Wawasan dan Keyakinan*. Kertas Dasar 1 Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Urus Setia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 21-25 Ogos, 1995.
- Ahmad, Khurshid *et al* (1985) *Computers, Language Learning and Language Teaching* Cambridge University Press, Cambridge.
- Chuah Choy-Kim (1994) *Kamus yang Bermutu dan Pangkalan Data Leksikon* Dibentangkan di Seminar Perkamusan Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia yang diadakan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia pada 20-21 Disember, 1994.
- Chuah Choy-Kim (1995) Bahasa Melayu Bahasa Yang Bertaraf Antarabangsa Dalam *Prosiding Kongres Bahasa Melayu Sedunia* anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang diadakan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, Malaysia pada 21-25 Ogos, 1995.
- Chuah Choy-Kim dan Salina A. Samat (1994) *Dari Kamus Tak-elektronik Dwibahasa Ke Kamus Elektronik Dwibahasa/Tribahasa Sedia Dicitak* Dibentangkan di Seminar Perkamusan Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia yang diadakan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia pada 20-21 Disember, 1994.
- Nik Safiah Karim (1995) *Pengajian Tinggi dan Pengantarabangsaan Bahasa Melayu*. Kertas Dasar 2 Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Urus Setia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 21-25 Ogos, 1995.
- Yang Quee Yee (1994) *Sejauh Mana Karya Perkamusan Melayu Di Masyarakat Tionghua*. Dibentangkan di Seminar Perkamusan Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia yang diadakan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia pada 20-21 Disember, 1994.
- Zaharin Yusoff (1994) *Struktur Kemasukan Kamus dan Penggunaannya* Dibentangkan di Seminar Perkamusan Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia yang diadakan di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia pada 20-21 Disember, 1994.